

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 10 MEI 2016



PEMBELAJARAN tentang alam sekitar tidak lagi terbatas kepada penelaahan buku teks dan bilik darjah. Lebih banyak sekolah di Shah Alam mengambil pendekatan hijau di luar bilik darjah, dengan lebih banyak projek bertema alam semula jadi diterapkan ke dalam kehidupan sekolah.

Kempen kitar semula peringkat sekolah yang dianjurkan oleh Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membantu menyedarkan sekolah-sekolah bahawa kesedaran alam sekitar dan amalan kitar semula bermula dalam sistem pendidikan.

Kempen Kitar Semula F&N & MBSA yang dimulakan pada 2007 telah memperkasakan sekolah untuk mengambil pendekatan proaktif untuk menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dan amalan 5R, iaitu Reduce (Kurangkan), Reuse (Guna Semula), Recycle (Kitar Semula), Rethink (Fikir Semula) dan Reinvent (Cipta Semula) di dalam dan luar persekitaran sekolah.

Dalam ucapan pada majlis pelancaran edisi ke-10 kempen, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB), Carriessa Goh berkata peranan pendidikan

SH

penting dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap cabaran alam sekitar dan membentuk sikap dan tingkah laku yang boleh membawa perubahan bermakna.

"Setakat ini, kami telah mengumpul lebih 900,000kg bahan kitar semula menerusi kempen kami. Ini adalah satu

pencapaian yang membanggakan!" katanya.

Kempen tahun ini diadakan dari 20 April hingga 21 September ini dan disokong oleh Jabatan Pendidikan Selangor dan Tetra Pak Malaysia.

Kempen lima bulan ini mencabar sekolah rendah, sekolah menengah dan tadika di bawah pentadbiran MBSA

untuk mengumpul paling banyak bahan kitar semula, khususnya aluminium, plastik, dan kertas, setiap pelajar, untuk memenangi ganjaran bernilai RM27,900.

Tiga anugerah khas juga menanti bagi sekolah yang mengumpul bahan aluminium, plastik, dan tetra pak tertinggi. Pemenang dari sekolah rendah dan menengah akan membawa pulang RM700, manakala RM300 ditawarkan bagi sekolah tadika bagi setiap satu kategori anugerah khas.

Untuk memperingati ulang tahun ke-10 kempen, satu anugerah istimewa akan diberikan kepada sekolah rendah dan sekolah menengah yang mempunyai Laman Kitar Semula terbaik dan paling kreatif.

Sekolah yang mendapat tempat teratas dalam setiap kategori berpeluang untuk memenangi sebahagian daripada RM4,800 atas usaha mereka.

Kempen bagi tahun ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saed. Tirai kempen ini pula bakal berlabuh dengan satu majlis penyampulan hadiah yang dijadualkan Oktober nanti.